

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 11 MEI 2015 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Inovasi Sosial	Utusan Malaysia
2	Komersialkan Inovasi luar bandar	Utusan Malaysia
3	Rekaan anak muda bantu tingkat pendapatan petani	Utusan Malaysia
4	Inovasi akar umbi diperkasa	Utusan Malaysia
5	Online training for SMEs	The Star

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 1  
TARIKH : 11 MEI 2015 (ISNIN)

ISNIN 11.05.15

UTUSAN MALAYSIA  
*Mega*


*Inovasi*

MESIN  
PEMOTONG  
SAYUR »11



Idea inovasi masyarakat luar bandar jika dikomersialkan mampu meningkatkan pendapatan dan bantu negara capai status negara maju

**INOVASI  
SOSIAL**



## Tujuan Dana Inovasi Sosial

- Penambahbaikan daripada Skim Community InnoFund (CIF) sedia ada di MOSTI yang diwujudkan bagi membantu kumpulan komuniti menterjemah pengetahuan dan idea kepada produk, proses dan perkhidmatan untuk mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat.
- MOSTI memohon supaya Skim CIF ini mengambil kira projek yang mempunyai elemen inovasi sosial supaya projek akan memberi manfaat dan impak yang besar kepada masyarakat dapat dibiayai walaupun tiada elemen R&D yang baharu.
- Kumpulan sasaran:
  - Individu
  - Syarikat milikan tunggal
  - Syarikat SME
  - Persatuan / NGO/ kumpulan komuniti berdaftar
- Kuantum maksimum dan tempoh pelaksanaan
  - RM500,000 dan 12 bulan -Penerima Enterprise InnoFund (EIF).
  - RM50,000 dan 12 bulan -Penerima EIF Individu).
  - RM500,000 dan 18 bulan Community InnoFund (CIF)
- Mekanisma pelaksanaan
  - Teknologi diperolehi daripada pelbagai pihak termasuk hasil inovasi daripada golongan akar umbi, pemenang anugerah inovasi dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
  - Satu teknologi boleh disebarkan lebih daripada satu lokasi.
  - Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) sebagai agensi pelaksana.
- Definisi Inovasi sosial merujuk kepada konsep, idea dan strategi yang membawa kepada penambahbaikan sosial pelbagai lapisan masyarakat menerusi pendekatan inovatif.
- Bagaimana MOSTI merealisasikan inovasi sosial? Peluasan skop Dana Community Innovation Fund (CIF) perlu dilakukan bagi membolehkan MOSTI membiayai projek yang mempunyai elemen inovasi sosial walaupun tiada elemen R&D yang baharu.

# Komersialkan inovasi luar bandar

Mendominasi dunia dengan produk inovasi yang bernilai

Oleh LAUPA JUNUS dan AQILAH MIOR KAMARULBAID

**M**ALAYSIA sebenarnya telah melahirkan ramai pereka inovasi dalam pelbagai bidang dan industri yang boleh diketengahkan. Namun, kebanyakan mereka hanya menyimpan produk ciptaan tersebut di rumah tanpa dikomersialkan kerana tidak mengetahui caranya. Tanpa mengetahui landasan untuk mengkomersialkan, inovasi yang dihasilkan menjadi sia-sia selain menyebabkan kerugian. Sedangkan rekaan tersebut boleh memberi pendapatan lumayan. Idea yang dilihat kecil dan dipandang ringan pada mulanya itu sebenarnya boleh memberi manfaat kepada masyarakat serta dimanfaatkan oleh industri yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Sebab itu itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberi keutamaan kepada inovasi dengan menyasarkan untuk mengkomersialkan

360 produk tempatan yang berpotensi tinggi dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ini memabitkan pengkomersialan sekurang-kurangnya 60 produk inovasi pada setiap tahun sehingga 2020.

Bagi tahun lalu sebanyak 65 produk telah dikomersialkan dan dipasarkan di seluruh negara yang merupakan sebahagian daripada perancangan MOSTI untuk mencapai status negara maju.

Hari ini, pencapaian kadar pengkomersialan sebanyak empat peratus sudah boleh dianggap memadai dalam usaha pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Namun sebagai agensi peneraju dalam R&D, MOSTI mahu mencapai lebih daripada itu. Inovasi tersebut sampai ke tangan masyarakat.

Menerusi tindakan yang boleh diibaratkan serampang dua mata MOSTI pada tahun ini memperhebatkan usaha



SERUNDING TUAHU

COMPOSTECH antara inovasi yang dihasilkan Technology Park Malaysia (TPM) Engineering telah dimanfaatkan oleh pengguna.

pengkomersialan beberapa produk yang biasa disebut *indigenous technology* atau teknologi luar bandar supaya dapat digunakan oleh orang ramai.

Lebih penting, orang yang mereka cipta produk berkenaan akan mendapat pulangan dan kreativiti serta inovasi mereka dihargai.

Sejak beberapa tahun lalu, sebanyak 1,365 inovasi ini ditemukan menerusi Jejak Inovasi yang dianjurkan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

Daripada jumlah itu, 54 inovasi telah melalui penilaian terperinci oleh pakar. Hampir 30 menerima bantuan hingga ke tahap prapengkomersialan.

Antara yang ditemukan semasa program diadakan di Sabah ialah makanan tradisional atau serunding tahu dan mesin pelera padi.

Justeru, pengenalan program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) yang diumumkan oleh Kementerian berkenaan baru-baru ini amat tepat pada masanya dalam usaha mengangkat martabat inovasi akar umbi yang dihasilkan pereka luar bandar.

Inisiatif seumpama itu pernah diperkenalkan sebelum ini menerusi TAP@MOSTI melibatkan pengkomersialan semua inovasi yang dihasilkan oleh agensi Kementerian berkenaan.

Kerana itu, MSI amat penting sebagai salah satu elemen dalam peluasan skop dana bagi menyediakan landasan kepada pereka tempatan mengkomersialkan produk ciptaan mereka.

Malah, menerusi pengenalan inovasi baharu, mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pembekal teknologi menjelang 2020.



PEMENANG Anugerah Inovasi (AIN) kategori sekolah, SK Tarcisian Convent, Ipoh yang telah mencipta alat memalut buah dengan kaedah yang cepat dan murah.

